

KELEMAHAN LAZIM DALAM PERSEMBAHAN KERANGKA TEORETIS-KONSEPSI DALAM TESIS SARJANA DAN KEDOKTORAN

Mildred Nalliah dan Shuki Osman

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia,
11800 USM Pulau Pinang, Malaysia
E-mel: padmani@usm.my; shuki@usm.my

Abstrak: Kajian ilmiah adalah berpandukan teori. Oleh yang demikian, sebuah kajian perlu disokong dengan kerangka teori yang daripadanya kerangka konsep bagi kajian tersebut diterbitkan. Namun begitu, menerusi pemeriksaan terhadap cadangan-cadangan kajian oleh pelajar-pelajar sarjana, penulis artikel ini mendapati bahawa kerap kali model-model teoretikal yang dipersembahkan tidak bersepadu sepenuhnya dengan kerangka teori bagi menjelaskan fenomena yang dikaji, dari segi saling kaitan antara pemboleh ubah yang terlibat. Dalam penulisan ini, penulis membincangkan empat kelemahan yang sering ditemui dalam cadangan kajian dalam kalangan pelajar sarjana: (1) memahami peranan dan fungsi teori; (2) menghasilkan pautan antara kerangka teori dengan kerangka konsep; (3) menimbulkan perkaitan logikal antara soalan-soalan kajian dengan kerangka teoretikal-konsepsual dan (4) menjelaskan hubungan kait antara kerangka teoretikal-konsepsual dengan prosedur kaedah kajian. Penulis merumuskan bahawa kerangka teoretikal-konsepsual yang baik akan membolehkan pengkaji mempersembahkan dapatan kajiannya dengan yakin dan menjelaskan dengan ringkas dan padat jawapan kepada soalan *kenapa*, *apa* dan *bagaimana* tentang kajian yang dijalankan.

Abstract: Academic research is theory driven. As such a research study needs to be supported by a theoretical framework from which the conceptual framework of the study is derived. Yet in examining graduate students' research proposals the authors' have found that most of the time the theoretical models presented are not fully integrated into the conceptual framework to explain the phenomenon investigated in terms of the interrelationships of the variables concerned. In this paper the authors discuss four common weaknesses in graduate students' research proposals: (1) understanding the role and function of theory; (2) creating the link between the theoretical and conceptual framework; (3) establishing the logical connection between research questions and the theoretical-conceptual framework; and (4) clarifying the relationship between the theoretical-conceptual framework and methodological procedures. It was concluded that a sound theoretical-conceptual framework will enable the researcher to present their findings with confidence and articulate succinctly answers to the *why*, *what* and *how* of the research study.

PENGENALAN

Ramai penuntut siswazah mempunyai masalah menyatakan tentang bagaimana tesis mereka disokong oleh teori-teori dan konsep-konsep yang secara jelas menepati bidang penyelidikan yang dijalankan. Pemeriksaan ke atas usul-usul penyelidikan yang dikemukakan serta tesis-tesis yang telah disiapkan menunjukkan terdapatnya kajian-kajian oleh penuntut siswazah yang tidak dipandu kukuh oleh teori. Kerap kali model-model teoretis yang dirujuk dalam tinjauan literatur kelihatan sebagai terasing, terpisah dan tidak bersepadu sepenuhnya bagi membentuk tunjang-tunjang teoretis yang kukuh bagi usul-usul penyelidikan atau tesis-tesis yang dikemukakan. Perhatian yang cetek terhadap peranan teori selalunya menghasilkan kajian-kajian yang mempamerkan hanya struktur permukaan asas kajian menerusi aspek rasional kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, metodologi kajian, analisis data dan perbincangan dapatan kajian, tetapi secara jelas tidak mempunyai kerangka teoretis-konsepsi kukuh yang mampu menjelaskan dan merangkumi aspek-aspek penting struktur tersebut. Pentingnya kerangka teoretis-konsepsi yang baik yang dapat menerangkan dan menjelaskan bagaimana variabel-variabel yang dikaji saling berkaitan dan secara bersama menjawab soalan-soalan kajian perlu diberi perhatian sewajarnya.

Adalah diharapkan dengan mengenal pasti secara terperinci kelemahan yang terdapat dalam usul penyelidikan dan tesis oleh penuntut siswazah yang lepas dapat membantu pelajar ijazah tinggi mengatasi kelemahan berkenaan. Bagi tujuan pembentangan dalam tulisan ini, kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti akan dikemukakan sebagai masalah yang kemudiannya diikuti dengan cadangan penyelesaian yang dapat diambil.

Memahami Peranan dan Fungsi Teori

Sebuah kajian ilmiah yang berpandukan teori adalah kajian yang dibimbing oleh teori dan konsep-konsep yang secara jelas terbit dan berasal daripada bidang yang dikaji. Suatu kajian perlu disokong oleh satu kerangka teoretis yang terdiri daripada satu set konstruk (variabel) yang saling berkaitan, definisi dan pernyataan yang mempersembahkan satu pandangan sistematik tentang fenomena yang dikaji, dengan menunjukkan hubungan kait di antara variabel-variabel yang terlibat, bagi menerangkan, menjelaskan dan meramal fenomena yang dikaji.

Sebagai contoh, satu pegangan teori yang membimbing kefahaman kita tentang pembelajaran dan peranan pengajaran dalam proses pembelajaran boleh disokong oleh kerangka teoretis konstruktivis. Semestinya fahaman konstruktivisme menekankan bahawa manusia membina pengetahuan masing-masing hasil daripada interaksi mereka dengan persekitaran. Melalui proses konstruktivis,

setiap individu membina kefahaman dan melihat dunia dengan cara tersendiri (Biggs, 1993). Konstruktivis pula merangkumi berbagai teori, seperti teori-teori pemprosesan maklumat dan kognitif sosial. Ahli-ahli teori utama bagi konstruktivis ialah Gagne (1985), Piaget (1950), Sternberg (1983), Vygotsky (1978), dan ahli-ahli teori metakognitif (Brown & Campione, 1990). Dalam konstruktivis, suatu kajian tentang pembelajaran berkesan dan peranan pengajaran dalam menggalakkan pengajaran akan melibatkan konsep (konstruk), prinsip dan teori yang ditumpukan kepada ciri-ciri penting pemikiran yang merangkumi proses kognitif seperti *encoding*, penyimpanan dan pengeluaran maklumat, strategi bagi membimbing proses tersebut, pengetahuan tentang strategi dan proses berfikir sendiri, pengetahuan tentang dunia umum, kepercayaan bermotivasi, dan stail kognitif umum (Snyder & Pressley, 1990). Semuanya saling berinteraksi, menyelaras, mengarah, membimbing dan memantau pembelajaran. Pandangan teoretis tentang pembelajaran seperti konstruktivis itu menitikberatkan aspek kognitif, metakognitif dan sosioemosi dalam pembelajaran dalam penjelasannya.

Mewujudkan Hubungan antara Kerangka Teoretis dengan Kerangka Konsepsi

Kerangka teoretis sesuatu kajian berupaya menggambarkan satu set saling hubung kait yang telah dikesan berlaku dalam situasi-situasi tertentu dan pada kekerapan yang menunjukkan sesuatu hukum umum sedang beroperasi. Kerangka konsepsi selanjutnya mengembangkan kaitan penting antara teori dan realiti dengan cara menterjemahkan hubung kait tersebut dalam istilah-istilah operasi.

Dalam membina kerangka konsepsi sesuatu kajian, konsep-konsep atau konstruk-konstruk yang mempunyai kaitan bagi membentuk pernyataan dalam kerangka teoretis, perlu diberi definisi operasi. Definisi operasi menetapkan operasi atau prosedur penting bagi mengesan, mengukur atau memanipulasi sesuatu konsep yang abstrak. Satu konsep yang abstrak atau konstruk dalam kerangka teoretis diterjemahkan menjadi variabel yang boleh diukur dan dikuantifikasikan. Oleh itu, definisi operasi akan membolehkan pengkaji mengukur variabel, dan oleh kerana ia adalah penghubung antara tahap teori-konstruk dan tahap pemerhatian, ia juga membolehkan pengkaji memahami keseluruhan kajian secara sistematik dengan menyusun dan melaksana modus operandi kajian secara jelas.

Secara keseluruhan, kerangka konsepsi menyediakan satu liputan komprehensif tentang hubung kait utama dan saling bergantung antara variabel-variabel yang diselidiki dalam suatu kajian. Satu prinsip penting yang perlu diikuti dalam membina kerangka konsepsi ialah keperluan kepada kejelasan dan konsistensi pemikiran dalam keseluruhan reka bentuk dan pelaksanaan kajian, dan kepekaan

terhadap saling kaitan di antara komponen-komponen dalam kerangka yang dipersembahkan. Prinsip ini adalah bertujuan mengelakkan daripada unsur perpecahan dan ketidaktetapan yang sering terdapat dalam usul-usul penyelidikan dan tesis-tesis.

Membina Kaitan antara Soalan Kajian dengan Kerangka Teoretis-Konsepsi

Satu lagi kelemahan lazim berhubung perlunya dibina rujukan terhadap teori dalam sesuatu kajian ialah tentang soalan-soalan kajian yang tidak diungkapkan secara munasabah oleh konsep-konsep, prinsip-prinsip dan teori-teori yang dikemukakan dalam kerangka teoretis kajian. Kerap kali soalan-soalan kajian yang terbit daripada isu-isu sosiobudaya berserta aspek-aspek pendidikan yang signifikan, dan dipersembahkan dalam kerangka pernyataan masalah dan objektif kajian tidak dilihat sebagai mempunyai kaitan secara langsung dengan kerangka teoretis.

Contohnya, sekiranya suatu kajian dikatakan bertunjangkan kepada teori konstruktivisme, maka soalan kajian perlulah difokuskan kepada proses pembelajaran sebagai konstruk utama kajian, manakala aspek pemikiran kognitif, metakognitif dan sosioemosi perlu dijelaskan. Konstruk-konstruk lain yang berkaitan seperti strategi pembelajaran, gaya pembelajaran dan kepercayaan bermotivasi akan menjadi variabel penting yang saling berkaitan dalam memudahkan pembelajaran. Sekiranya tumpuan diberikan kepada aspek-aspek pembelajaran tersebut, maka jawapan kepada soalan kajian yang fokusnya ialah sama ada pelajar adalah pelajar yang aktif, yang menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bagi membantu mereka belajar dengan kefahaman, adalah relevan dan bersesuaian. Secara lebih khusus, pertama, soalan kajian boleh ditumpukan kepada penggunaan strategi yang menggalakkan pengkodan maklumat oleh pelajar yang membolehkan mereka mengingati dan mengaitkannya dengan maklumat-maklumat lain; kedua, cara bagaimana kerja pelajar dengan maklumat dapat memudahkan kefahaman; dan ketiga, bagaimana pelajar mempamerkan pembelajaran mereka.

Menjelaskan Hubung Kait antara Kerangka Teoretis-Konsepsi dengan Prosedur Metodologi Kajian

Oleh kerana banyak usul kajian dan tesis tidak diasaskan secara kukuh kepada teori, berlaku kekurangan kerangka teoretis-konsepsi yang secara eksplisit mempersembahkan konsep-konsep, prinsip-prinsip dan teori-teori yang membimbing kajian dari awal hingga akhir. Keperluan terhadap hubung kait yang jelas antara kerangka teoretis-konsepsi dengan prosedur metodologi adalah sangat diutamakan. Hubung kait tersebut perlu dikemukakan dalam ciri soalan-soalan kajian yang dibina dan jenis peristiwa (*events*) atau objek yang dipilih

untuk diperhatikan (*observe*). Begitu juga, kerangka teoretis-konsepsi akan menjelaskan konsep dan teori-teori yang memandu pengumpulan data dan transformasi data dalam persembahan dapatan kajian. Sebagai contoh, sekiranya suatu kajian dibimbing oleh kerangka teoretis pembelajaran konstruktivis, maka peristiwa yang diperhatikan dan data yang dikutip akan difokuskan kepada pembelajaran bermakna dan bukannya kepada keputusan ujian tentang ingatan fakta. Sama ada pendekatan kajian itu kuantitatif atau kualitatif atau kombinasi antara kedua-duanya, ia bergantung kepada rasional berdasarkan kerangka teoretis-konsepsi. Kajian berdasarkan model Piaget akan lebih cenderung kepada pendekatan kualitatif kerana jenis data yang dikumpul dan dianalisis memberi penekanan terhadap individu, bukannya prestasi kumpulan yang berunsur behavioris dan boleh diperhatikan secara jelas. Sebaliknya, suatu kerangka teoretis-konsepsi yang merujuk kepada teori kognitif Ausubel adalah wajar bagi prosedur pengutipan dan transformasi data kuantitatif yang mempunyai kaitan dengan berbagai-bagai tugas dan peristiwa pembelajaran kognitif yang menekankan pembelajaran bermakna melalui proses binaan dan binaan semula (*construct and reconstruct*) secara interaktif bagi kefahaman individu.

KESIMPULAN

Teori adalah implisit dalam kajian dan ia terjelma dalam andaian-andaian yang mendasari sesuatu kajian. Penyemaian suatu kerangka teoretis-konsepsi bermula dengan satu tinjauan literatur yang mendalam terhadap teori dan kajian yang berkaitan bidang yang dikaji. Hanya apabila seorang pengkaji mengenal pasti dan melihat bagaimana konsep-konsep digunakan dalam teori-teori dan konstruk-konstruk tertentu, barulah dia bersedia untuk mula membina satu kerangka teoretis-konsepsi kajiannya. Apabila pengkaji itu dapat menyusun dan menterjemah pemikirannya menjadi satu kerangka bimbingan teori dan konsep, dan menunjukkan bagaimana soalan-soalan kajian, peristiwa dan objek yang akan diperhatikan, prosedur pengumpulan data serta transformasi dan persembahan data, barulah dia berada di jalan yang betul ke arah mengorganisasi dan membuat tafsiran kajiannya dalam satu kerangka teoretis-konsepsi yang mampu berdepan dengan penilaian dan penelitian ilmiah. Suatu kerangka teoretis-konsepsi yang bagus akan membolehkan pengkaji mengemukakan jawapan terhadap persoalan 'kenapa', 'apa' dan 'bagaimana' dalam kajiannya, justeru menganalisis mengikut kerangka teoretis-konsepsi yang membolehkan pengkaji menjelaskan secara yakin jawapan kepada soalan-soalan kajian yang dikemukakan, dan pada masa yang sama menyampaikan isi kandungan ilmiah kajian yang telah disiapkan.

RUJUKAN

- Biggs, J. B. (1993). From theory to practice: A cognitive systems approach. *Higher Educational Research and Development*, 12, 73–85.
- Brown, A. L. dan Campione, J. C. (1990). Communities of learning and thinking, or a context by any other name. Dalam D. Kuhn (ed.). *Developmental perspectives in teaching and learning thinking skills: Contributions to human development*. Basel: Karger, 108–126.
- Gagne, R. M. (1985). *The conditions of learning* (ed. ke-4). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Piaget, J. (1950). *The psychology of intelligence*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Snyder, B. dan Pressley, M. (1990). Introduction to cognitive strategy instruction. Dalam M. Pressley and Associates (eds.). *Cognitive strategy instruction that really improves children's academic performance*. Cambridge, Mass: Brookline Book.
- Sternberg, R. G. (1983). Criteria for intellectual skills training. *Educational Research*, 12, 6–12.
- Vygotsky, L. S. (1978). Interaction between learning and development. Dalam M. Cole, V. Jphn-Steiner, S. Schribner dan E. Souberrman (eds.). *Mind in Society*. Cambridge, Mass: Harvard University Press.